

20/08/1997

Negara sedia bantu biayai pejabat Komanwel

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia sedia menimbang untuk turut membuat sumbangan kewangan bagi mewujudkan sebuah pejabat bagi kegunaan negara-negara anggota Komanwel yang kecil di New York.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata perkara itu adalah antara dua permintaan utama Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku, dalam pertemuan selama setengah jam di Wisma Putra, hari ini.

Menurutnya, sehingga kini ada beberapa negara besar sudah membuat sumbangan untuk pejabat berkenaan, tetapi jumlahnya masih belum mencukupi.

"Oleh itu Malaysia turut diminta membantu. Kita akan mempertimbangkan jumlah yang akan disumbangkan kerana negara-negara kecil terbabit tidak berkeupayaan untuk mewujudkan pejabat sendiri disebabkan perbelanjaan terlalu tinggi.

"Pejabat ini penting kepada mereka kerana negara-negara berkenaan juga adalah sebahagian daripada anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)," katanya dalam sidang akhbar bersama Anyaoku.

Di samping itu, Komanwel turut meminta bantuan Malaysia untuk menubuhkan Pusat Islam di Universiti Oxford, Amerika Syarikat.

Sementara itu, Anyaoku yang pulang hari ini selepas lawatan selama lima hari berharap Malaysia akan terus memainkan peranan lebih aktif dalam pertubuhan yang dianggotai oleh Kumpulan Negara Maju (G-7), Kumpulan Negara Membangun (G-15) dan Asean.

Menurutnya, beliau berpuas hati dengan hasil lawatan ke Malaysia sebagai persediaan Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Edinburgh, Scotland, Oktober ini.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah antara tujuh ketua negara yang akan memberi ucapan di Forum Perniagaan yang diadakan serentak dengan mesyuarat itu. Seramai 300 ahli korporat swasta dan kerajaan seluruh dunia akan menyertai forum berkenaan.

"Saya yakin Dr Mahathir akan memberi sumbangan besar kepada mesyuarat itu dan sekali gus meningkatkan imej pertubuhan ini," katanya.

(END)